

# Filem Islamik wajar diketengahkan

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

**bhforum@bh.com.my**

Dalam era globalisasi ini, media massa kerap menjadi topik utama terutama dalam kalangan anak muda. Tanpa adanya media massa, sudah pasti masyarakat kembali bersusah payah menggunakan alat tradisional untuk berkongsi maklumat sesama mereka.

### Pendedahan Islam di laman sosial

Tidak dinafikan remaja kini lebih terdorong dan tertarik kepada pendedahan Islam dengan pendekatan media masa moden, laman sosial seperti Youtube, Facebook, Twitter, Blog dan Skype.

Alat perhubungan yang membuatkan audio dan visual menjadikan mereka lebih



Filem dan drama perlu berperanan penting **membantu pembangunan negara dan melahirkan masyarakat Rabbani.**

[GAMBAR HIASAN]

bertenaga serta tidak jemu untuk mendalami secara lebih meluas lagi mengenai Islam.

Sehubungan itu, filem berteraskan syariah Islam arahan Pierre Andre baru-baru ini mendapat sambutan yang menggalakkan. Lakonan kumpulan Shiro, Zalif Sidek dan Along (Raja Lawak) serta penampilan istimewa Ustaz Azhar Idrus bukan sahaja menghiburkan penonton, malah berjaya menyampaikan isi penting dengan baik.

Filem *Ustaz, mu tunggu aku*

*datang* membuktikan filem Islamik juga mampu untuk ke hadapan. Filem atau drama yang berunsurkan syirik atau seram sepatutnya dihapuskan kerana ia memberi kesan buruk kepada penonton. Ia bukan saja melemahkan semangat masyarakat, malah memesongkan lagi akidah mereka.

### Cerita berunsur syirik

Sedih melihat beberapa anak kecil yang ketakutan berpunca daripada cerita berunsur syirik yang ditonton di kaca

televsyen. Sangat kecewa dengan nilai moral yang dibawa oleh segelintir masyarakat yang mengaku mereka Islam, namun tidak berjiwa -Muslim.

Justeru, media massa berperanan penting untuk membantu pembangunan negara, serta melahirkan masyarakat yang berjiwa Rabbani seiring dengan kemajuan negara ini.

**Raja Nur Junainah  
Raja Abdul Aziz**  
Universiti Sains Islam  
Malaysia (USIM)